

## UMP wujud pusat kecemerlangan

DALAM usaha menjalinkan kerjasama dan jaringan dengan industri, Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengorak langkah dengan memiliki enam pusat kecemerlangan termasuk dua yang baharu diwujudkan pada tahun ini.

Pusat kecemerlangan tersebut ialah Pusat Kecemerlangan Automotif (AEC), Pusat Penyelidikan dan Pengurusan Sumber Alam (CERRM), Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Aliran Bendalir Teraju (CARIFF), Pusat Kecemerlangan IBM termasuk dua yang baharu ditubuhkan pada tahun ini iaitu Pusat Kecemerlangan Nadir Bumi dan Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Bio Aromatik.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim, pusat-pusat kecemerlangan ini diwujudkan kerana signifikan dengan kehendak, keperluan dan keupayaan universiti ini sendiri termasuk industri dan masyarakat setempat.

"Pusat Kecemerlangan Nadir Bumi misalnya diwujudkan berpaksikan pengetahuan dan kepakaran universiti ini bagaimana untuk mengukur radiasi dan beberapa keperluan lain.

"Melaluinya, kita boleh melakukan penyelidikan untuk produk-produk hiliran iaitu bagaimana nadir bumi boleh digunakan untuk produk-produk lain yang bukan sahaja mendatangkan manfaat kepada negara tetapi penduduk di sekitarnya," katanya.

"Dengan fokus terhadap biosintesis sebatian semulajadi bernilai tinggi, UMP mendapat kepercayaan sebuah syarikat antarabangsa, Evolva dan Perbadanan Bioteknologi Malaysia (Bio-techCorp) sebagai pemudahcara dalam menghasilkan bio bahan (bio ingredient) seperti penghasilan sebatian produk kosmetik, farmaseutikal, bahan perisa dan pewarna makanan. "Matlamat utama ialah mewujudkan satu paradig-



UMP menerima lawatan daripada panel audit Pejabat Ketua Inspektor (OIG), Jabatan Negara Amerika Syarikat, William Irving dalam membuat penilaian terhadap penilaian keselamatan di Makmal Bio Aromatik UMP.

ma baru dalam pengeluaran yang mampan bagi sebatian semulajadi bernilai tinggi di Malaysia. Dengan platform unik Evolva dan kekuatan penyelidikan UMP, Pusat Kecemerlangan tersebut adalah satu lagi usaha untuk merapatkan pengetahuan sains asas dengan komuniti perniagaan.

"Satu lagi nilai tambah diwujudkan bagi industri dengan peluang-peluang ekonomi yang penting bagi memberi manfaat kepada agenda Bioekonomi," jelasnya.



Penubuhan Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Aliran Bendalir Teraju (CARIFF) merancakkan aktiviti penyelidikan universiti ini.